

## **Pemikiran Pendidikan Islam Alam Melayu: Satu Kajian Awal Berasaskan Manuskrip Melayu**

**Mohd Anuar Bin Mamat**

Fakulti Pengajian Quran Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800,  
Nilai Negeri Sembilan, Malaysia  
Emel: anuarmamat@usim.edu.my

### **ABSTRAK**

Peranan yang dimainkan oleh para ulama Alam Melayu dalam pelbagai aspek keilmuan sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Mereka berusaha membangunkan tamadun Melayu-Islam dan mengembangkan ilmu dalam segenap aspek. Sumbangan yang dihasilkan dalam bidang keilmuan terbukti dengan kewujudan sejumlah besar karya dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan menganalisis pemikiran pendidikan Alam Melayu berteraskan manuskrip Jawi. Pengumpulan data dibuat secara khusus dengan meneliti katalog-katalog manuskrip yang wujud dan juga kajian-kajian lepas serta merujuk manuskrip asal penulisan dalam bidang pendidikan Islam. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat membuktikan bahawa ulama Alam Melayu juga memberi sumbangan yang besar dan bernilai dalam bidang pendidikan Islam melalui pelbagai genre karya yang dihasilkan. Sebahagiannya adalah berbentuk puisi dan juga prosa di samping kitab khusus berkaitan tema ini. Selain itu, kajian ini juga diharapkan memudahkan pengkaji manuskrip dan karya klasik Alam Melayu untuk meneroka kajian lanjutan dalam bidang pendidikan Islam khususnya pemikiran dan karya-karya para tokoh ulama Islam di Alam Melayu serta meneliti lebih lanjut sumber kepada pemikiran pendidikan mereka. Hal ini dapat ditonjolkan semula sebagai panduan kepada pihak berkenaan dalam menghadapi isu dan permasalahan pendidikan Islam dewasa ini dalam melahirkan pelajar dan juga tokoh ilmuwan Islam yang berwibawa.

**Kata Kunci:** Pemikiran Pendidikan Islam; Ulama Alam Melayu; Manuskrip Melayu; Kajian Manuskrip.

### **PENDAHULUAN**

Penerimaan Islam oleh masyarakat di Alam Melayu telah membawa kepada perkembangan pendidikan dan proses pendemokrasian ilmu kepada segenap lapisan masyarakat (al-Attas, 2011; Mohd Anuar, 2017). Golongan ilmuwan dan ulama yang lahir bukan sahaja aktif berperanan dalam aspek pendidikan, sosial dan kemasyarakatan, bahkan juga dalam arena politik dan pemerintahan (M. Mustaqim, 2016). Pemikiran dan idea yang dikembangkan menerusi pengkaryaan dalam pelbagai bidang ilmu telah memperkayakan tradisi keilmuan Melayu tradisional yang kebanyakannya terakam dalam bentuk manuskrip pada hari ini. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan beberapa aspek pemikiran pendidikan Alam Melayu pada awal perkembangannya melalui penelitian terhadap manuskrip. Beberapa manuskrip Melayu

berkaitan Pendidikan Islam dipilih sebagai rujukan dalam membincangkan aspek ini. Aspek-aspek penting berkaitan kodikologi manuskrip juga dibincangkan secara ringkas seperti asal-usul, kepengarangan dan kandungannya di samping aspek pemikiran pendidikan merangkumi tujuan pendidikan, kaedah belajar dan juga adab sebagai seorang penuntut ilmu. Analisis elemen ini turut menzahirkan peranan dan sumbangan para ulama Alam Melayu dalam menggagaskan pemikiran pendidikan. Idea dan konsep tersebut berjaya membentuk tradisi ilmu masyarakat Islam Alam Melayu seterusnya dihayati secara turun temurun menerusi sistem pendidikan tradisional seperti pondok, pesantren, dayah, meunasah dan sebagainya.

### **Tinjauan Awal Pemikiran Pendidikan Islam dalam Manuskrip Melayu**

Sebagaimana yang dijelaskan bahawa hadirnya Islam ke Alam Melayu membawa banyak perubahan khususnya aspek peningkatan intelektual masyarakat Melayu melalui institusi pendidikan. Institusi pendidikan tersebut berjaya memainkan peranan yang cemerlang dan melahirkan ramai para sarjana Alam Melayu dalam pelbagai bidang. Hal ini terbukti dengan perkembangan penulisan dan penghasilan manuskrip dalam pelbagai genre ilmu khususnya abad ke-15M hingga 19M (Harun et.al, 2002; Siti Hawa, 2010; Mohd Anuar, 2017). Kejayaan sesebuah institusi pendidikan dalam konteks pendidikan Islam bukan hanya merujuk kepada aspek fizikal dan material, bahkan yang lebih penting ialah nilai ilmu dan impaknya kepada masyarakat Alam Melayu (Wan Mohd Nor, 1998, 2019). Hal ini dipengaruhi oleh pemikiran pendidikan yang merencanakan sistem dan perjalanan institusi tersebut. Oleh yang demikian, pada bahagian ini pemikiran pendidikan Alam Melayu akan dikemukakan melalui sumbernya yang asal iaitu beberapa manuskrip Melayu terpilih.

Kajian awal terhadap karya berkaitan Pendidikan Islam Alam Melayu mendapati bahawa di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, PNM, terdapat 32 naskhah manuskrip karya Pendidikan Islam (Mohd Anuar, 2017). Untuk menjadikan kertas kerja ini terfokus hanya empat buah karya yang berkaitan sahaja akan dikemukakan. Secara umumnya, berdasarkan tinjauan pengkaji, manuskrip Pendidikan Islam ini menunjukkan kepelbagaian yang boleh diklasifikasikan kepada tiga aspek. Pertama, dari segi kandungannya, ia boleh dikategorikan kepada karya khusus tentang Pendidikan Islam, atau terapan (embedded) dalam perbincangan bab atau sub bab tertentu, ataupun digabungkan dalam mukaddimah penulisan kitab sebagai landasan awal dan memberi peringatan kepada penulis dan juga pembaca tentang aspek penting Pendidikan Islam, terutamanya tentang adab.

Selain itu, dari segi bentuk penulisan pula, manuskrip Pendidikan Islam ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu berbentuk puisi/syair/nazam dan yang kedua berbentuk prosa. Akhirnya, dari segi keaslian karya yang dihasilkan, para ulama Alam Melayu kebanyakannya menukilkan manuskrip Pendidikan Islam ini daripada karangan para sarjana Islam yang lepas, terutamanya Imam al-Ghazālī dan juga al-Zarnūjī. Hal ini memperlihatkan wujud sebahagian besar karya tersebut merupakan karya saduran, adaptasi dan juga terjemahan. Namun begitu, hal ini tidak menafikan terdapat juga manuskrip Pendidikan Islam yang merupakan karya asli yang dihasilkan oleh ulama Alam Melayu. Berdasarkan pembahagian ini memperlihatkan karya dalam genre ini pelbagai dan komprehensif. Kepelbagaian kategori ini terjadi disebabkan sasaran pembaca yang pelbagai dan kreativiti para ulama Alam Melayu menyampaikan kandungan adab

ini. Oleh itu, berikut dibincangkan secara lebih terperinci beberapa manuskrip Pendidikan Islam dan dikemukakan aspek pemikiran Pendidikan Islam dalam kandungannya.

### **Kitab/Bab al-Adab (MSS2906A)**

Manuskrip pertama ialah manuskrip yang diberi nama *Kitab al-Adab* atau *Bab al-Adab*. Ia merupakan sebuah karya berbentuk nazam mengenai adab belajar khususnya kepada para pelajar yang baru ingin memulakan pengajian. Ia terdiri daripada sejumlah bait syair yang dikarang dalam bahasa Arab dan disertai dengan terjemahan dan penerangan maknanya antara baris (*interliner*) dalam bahasa Melayu. Kitab ini dikarang sekitar akhir abad ke-18M dan agak popular dalam kalangan masyarakat Melayu, terutamanya di Aceh pada suatu masa dahulu dan kerap diulang-salin. Hal ini terbukti menerusi kewujudan sejumlah besar naskhah karya ini yang masih tersimpan dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di samping koleksi-koleksi lain. Sehingga penghasilan makalah ini, sekurang-kurangnya 25 buah naskhah karya ini dapat dikesan walaupun bilangan sebenar naskhah yang masih wujud mungkin lebih banyak lagi. Daripada jumlah tersebut, 17 naskhah tersimpan di PNM, manakala selebihnya dalam perpustakaan awam dan koleksi peribadi di Malaysia, Indonesia dan Belanda (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018).

Dari segi judul karya ini, tidak semua naskhah yang dijumpai menyatakan judul yang sama. Terdapat pelbagai variasi judul yang wujud merujuk kepada karya ini, antaranya *Kitab Adab*, *Bab Adab*, *Nazam Adab*, *Adab al-Muta'allim*, Pesanan kepada orang yang menuntut ilmu, Kelebihan pada orang yang menuntut ilmu dan juga *Manzumah* sahaja. Namun, penting untuk diperhatikan bahawa di sebalik variasi dalam penamaan dan pengkatalogan judul karya ini, hampir semua sepakat untuk mengekalkan perkataan “adab” dalam judulnya dan judul yang paling banyak digunakan ialah *Bab al-Adab*. Oleh itu, untuk tujuan penyeragaman, judul *Bab al-Adab* dipilih disebabkan ia termaktub dalam sebahagian besar naskhah yang ditemui (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018). Manakala dari aspek pengarang karya ini pula, tidak dapat dipastikan identiti sebenar pengarangnya. Ada yang mengatakan pengarangnya ialah, Muntajib (PNM, 2003; Mohd Anuar, 2017). Di sini timbul kekeliruan mengenai identitinya sama ada nama yang dinyatakan ini adalah nama sebenarnya ataupun nama samaran sahaja. Ini kerana, perkataan Muntajib adalah satu bentuk kata nama yang tidak semestinya digunakan sebagai kata nama khas, sebaliknya juga merujuk kepada pelaku sesuatu perkara secara amnya. Perbincangan ini muncul apabila pada bait ketiga nazam ini, penulis menyebut:

وَبَعْدُ فَقَالَ عَبْدُهُ الْمُؤَافِقُ \* مُنْتَجِبٌ وَالِدُهُ الْمُؤَافِقُ

“Adapun kemudian dari itu, maka telah berkata hamba Allah yang beroleh tolong ia daripada-Nya iaitulah Muntajib namanya. Bermula bapanya itu beroleh tolong jua ia daripada Tuhannya”.

Manakala dari aspek kandungan, karya ini terdiri daripada sekurang-kurangnya 36 bait syair dalam bahasa Arab yang disertai terjemahan dalam bahasa Melayu. Ini kerana, terdapat sebahagian naskhah karya ini yang menampilkan variasi dan penambahan dan pengurangan. Hal ini juga bukanlah sesuatu yang janggal dalam konteks pengarang sastera kreatif Melayu yang sering menyaksikan fungsi penyalin sebagai pengarang secara bersilih ganti (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018). Melalui 36 bait syair ini, pemikiran pendidikan Islam dinyatakan oleh penulis. Ia

merangkumi tiga tema utama, iaitu tujuan, kaedah dan juga adab dalam pendidikan Islam. Walaupun kandungannya agak ringkas, namun dari sudut kandungannya ia agak komprehensif dalam menjelaskan pemikiran pendidikan Islam Alam Melayu ketika itu.

Mengenai aspek tujuan pendidikan, manuskrip *Bab al-Adab* ini menyentuh hal ini pada awal penulisan lagi. *Bab al-Adab* menjelaskan bahawa tujuan pendidikan ialah untuk memperolehi ilmu, menatijahkan amal dan juga menyampaikan ilmu tersebut kepada orang lain. Tujuan dan proses pendidikan ini dijelaskan oleh penulis *Bab al-Adab* sebagai ilmu yang mempunyai adab (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146) kerana ilmu inilah yang membawa seseorang mencapai maksud yang sebenar dalam pendidikan Islam. Di samping itu, manuskrip *Bab al-Adab* juga menyatakan bahawa tujuan pendidikan dan perolehan ilmu itu juga adalah untuk penyucian hati. Dengan ini, aspek niat yang tulus ikhlas dalam belajar menjadi elemen yang penting. Mengenai hal ini, penulis Bab al-Adab menyatakan (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146):

فَطَهَّرَ الْقَلْبَ وَصَحَّحَ النِّيَّةَ وَاتَّبَعَ بِالْأَسْبَابِ لَا الْأُمِّيَّةَ

Maka sucikan oleh mu hai orang yang menuntut akan hati mu daripada segala sifat yang kecelaan pada Syarak dan sahihkan oleh mu akan niat mu dan tuntutan oleh mu akan ilmu itu dengan beberapa sebab jua, jangan dengan angan-angan.

Selain aspek ini, manuskrip Bab al-Adab juga menjelaskan tujuan pendidikan berkaitan keperluan gabungan antara ilmu dan amal seterusnya ilmu tersebut seharusnya disebarikan kepada masyarakat. Ilmu yang dipelajari hendaklah diamalkan khususnya untuk menunaikan segala kefarduan dengan lebih sempurna serta meningkatkan kualiti amalan. Tujuan pendidikan ini adalah selaras dengan tujuan pendidikan yang dikemukakan oleh para sarjana sebelum ini, khususnya Imam Abū Ḥanīfah (Mohd Anuar, 2010 dan 2013). Mengenai hal ini, penulis menyatakan dalam bait ke-6 dan bait ke-25 (M.Mustaqim & Mohd Anuar, 2018: 146, 150):

وَأَدِّ مَا عَلَيْكَ مَفْرُوضٌ بِإِلَّا إِدْخَالَ نَقْصَانٍ فَذَا مَا قُبَيْلًا

Dan tunaikan oleh mu akan barang yang telah difardukan Allah atas mu dengan tiada memasukkan kekurangan. Maka inilah yang diterimakan.

وَأَنْشُرْ لِمَا تَعَلَّمَهُ وَاعْمَلْ بِهِ فَمَا لِعَاصٍ فَيُضْ فَضْلَ رَبِّهِ

Dan hamburkan oleh mu akan ilmu yang engkau ketahui akan dia dan amalkan oleh mu dengan dia. Maka tiadalah bagi orang yang ‘āṣī itu beroleh limpah kurnia Tuhannya. Dan tersebut dalam hadis: “barang siapa mengamalkan seperti ilmunya, nescaya dikurniai Allah akan dia ilmu dengan tiada lelah payah”. Dan tersebut dalam Uns al-Muttaqīn: barang siapa derhaka akan Allah dan rasul-Nya, nescaya tiadalah dikurniai Allah akan dia ilmu.

Aspek pemikiran pendidikan Islam yang kedua ialah pemikiran berkaitan adab pelajar. Hal ini kelihatan mendominasi perbincangan manuskrip ini. Ia mengemukakan sejumlah adab yang perlu dilazimi oleh pelajar merangkumi adab terhadap diri, adab terhadap Allah, adab terhadap guru, ibubapa dan sahabat handai di samping galakan kepada murid berusaha memperolehi ilmu

sebanyaknya melalui rehlah ilmiah dan selalu membaca. Oleh yang demikian, penekanan aspek akhlak dan keperluan penyucian diri pelajar merupakan aspek terpenting dalam pemikiran pendidikan Islam Alam Melayu. Manuskrip ini menjelaskan keperluan pendidikan Islam memupuk adab pelajar, membentuk akhlak mulia dan menyucikan seseorang daripada sifat yang buruk dan keji serta berusaha pula menghiasinya dengan sifat mahmudah, termasuklah antara lain memuliakan ilmu, bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu, merendah diri dan tawaduk dengan ilmu yang diperoleh, sederhana dalam berpakaian dan mengumpulkan harta, bersedia untuk membelanjakan harta benda pada jalan menuntut ilmu serta bersabar dalam setiap perkara dan ujian yang menimpa sepanjang menuntut ilmu.

Daripada perbincangan yang diketengahkan jelas menunjukkan bahawa karya ini walaupun ringkas dan padat kandungannya, namun agak komprehensif cakupannya. Ia mengemukakan perkara asas dan penting dalam sistem pendidikan Islam di Alam Melayu. Aspek tujuan dan juga adab yang menjadi tema utama manuskrip ini selaras dengan pemikiran pendidikan Islam daripada tradisi dan karya pendidikan dalam Tamadun Islam. Justeru, boleh disimpulkan bahawa manuskrip *Bab al-Adab* boleh dianggap berperanan sebagai teks asas bagi pelajar pendidikan Islam Alam Melayu. Strukturnya yang ringkas dan padat selain persembahan teksnya dalam bentuk syair/nazam lebih mudah dihafal dan difahami oleh sesiapa sahaja tanpa mengira usia dan latar belakang pendidikan mereka serta memudahkan mereka merujuk kepada karya-karya yang lebih ekstensif dan teks lanjutan dalam bidang ini.

### **Bab pada Menyatakan Adab (MSS4291A)**

Manuskrip kedua berkaitan pendidikan Islam ialah karya yang diberi tajuk Bab pada Menyatakan Adab. Dari segi judul naskhah ini kelihatan sama dengan *Bab al-Adab* yang dibincangkan di atas, namun penelitian lanjut kepada manuskrip asal karya ini menunjukkan ia merupakan naskhah yang berbeza dan tiada kaitan langsung dari segi kepengarangan dan kandungan. Manuskrip ini juga ditulis dalam bentuk puisi atau nazam. Setakat kajian ini, hanya satu naskhah sahaja ditemui, iaitu dalam koleksi simpanan PKMM, PNM dengan nombor rujukan MSS4291A (PNM, 2012). Hal ini menunjukkan karya ini nadir dan sukar diperolehi. Berbanding *Bab al-Adab* di atas, karya ini agak panjang dengan tulisan yang jelas dalam 27 folio. Jumlah rangkap nazam terdiri daripada 143 bait. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Arab dan terdapat terjemahan dalam bahasa Melayu untuk memudahkan pelajar yang belum memahami bahasa Arab mendapat faedah daripadanya. Sebagaimana *Bab al-Adab* juga, penghasilan karya puisi ini bertujuan memudahkan pelajar untuk menghafaznya secara berirama khususnya pelajar yang baru terlibat dalam pengajian.

Dari segi kepengarangan, tidak dapat dipastikan siapakah yang mengarang atau menterjemah karya ini namun kelihatan ia ditulis dalam lingkungan Alam Melayu. Hanya gelaran sahaja yang disebut dalam rangkap akhir nazam ini yang merujuk kepada pengarangnya, iaitu "*faqih al-'ajzātī*" yang diterjemahkan sebagai "faqih yang amat hina" (MSS4291A, f.27v). Penggunaan gelaran tanpa nama ini merupakan suatu fenomena biasa dalam kepengarangan manuskrip Melayu bertujuan untuk mengelakkan penulis daripada sifat riya' atau menunjuk-nunjuk. Mereka juga berpendapat yang menjadi keutamaan ialah ilmu dan kandungan disampaikan dengan baik bukan berbangga dengan nama dan jawatan sebagai pengarang kitab tertentu. Namun begitu, merujuk kepada gelaran 'faqih' yang disebut sebagai pengarang nazam ini, biasanya merujuk kepada seseorang yang alim dan menguasai ilmu agama atau secara

khususnya alim dalam ilmu fiqh. Ini kerana, konotasi faqih dalam tradisi pendidikan Islam dan juga Alam Melayu merujuk kepada golongan tersebut dan merupakan salah satu gelaran kepada ulama. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa karya ini disusun oleh seorang ulama atau guru yang berwibawa untuk para pelajarnya mengenai adab yang patut diketahui oleh mereka.

Menarik juga untuk dinyatakan di sini, karya ini difikirkan antara karya awal dan nadir tentang adab ini di Alam Melayu iaitu pada abad ke-17M. Tarikh selesai penulisan karya ini dinyatakan dengan jelas dalam tiga bait nazam, iaitu pada akhir waktu Zuhur, 20 Sya'ban 1184 bersamaan 28 Nov 1770. Berdasarkan tarikh ini jelas menunjukkan karya ini antara yang terawal berbanding manuskrip lain yang ditemui termasuklah *Bab al-Adab* yang dianggarkan sekitar akhir abad ke-18M.

Mengenai pemikiran pendidikan Islam dalam kandungan manuskrip ini, ia membincangkan adab, peranan dan tanggungjawab guru dan pelajar secara menyeluruh. Secara umumnya kelihatan ia lebih terfokus kepada tema adab guru dan pelajar yang merupakan salah satu aspek dalam pemikiran pendidikan Islam. Namun begitu, tidak semua perbincangan adalah berkaitan pemikiran pendidikan Islam, terdapat beberapa subtopik tidak berkaitan secara langsung, walaupun ia amat penting dalam pembentukan adab pelajar seperti bab mengenai ziarah Madinah (*bāb al-ziyārah ila al-Madīnah*) dan juga bab perumpamaan (*bāb al-Amthilah*). Kedua-dua bab ini dikemukakan menjelaskan tentang adab mengunjungi Madinah yang juga merupakan simbolik kepada adab terhadap Nabi SAW yang amat penting kepada pelajar mencontohi Baginda.

Antara yang dikhususkan perbincangan mengenai adab guru dan murid ialah bab tentang adab terhadap orang yang lebih tua, ibubapa dan anak-anak (*bayān al-adab ma'a al-syuyūkh wa al-wālidin wa al-abnā'*). Menariknya di sini, karya ini menjelaskan kepentingan beradab dan juga tanggungjawab terhadap golongan tersebut, termasuklah para guru dan murid. Walaupun dalam tajuk bab itu tidak dinyatakan guru dan juga murid, namun penulis menjelaskan bahawa kedudukan guru ini sama seperti juga ibubapa dan murid itu sama seperti anak-anak. Untuk menjelaskan lagi adab guru dan murid ini karya ini membahagikan pula bab ini kepada dua subtopik yang lain iaitu, adab terhadap ibubapa dan selainnya (*bayān al-adab ma'a al-wālidin wa ghairihumā*) dan adab terhadap orang tua dan juga guru (*bayān adab ma'a al-syuyūkh wa al-mu'allim aydan*).

Oleh yang demikian, boleh disimpulkan karya ini merupakan antara karya yang terawal, nadir dan ekstensif dalam membincangkan persoalan adab guru dan murid. Penjelasan kelihatan komprehensif berbentuk nazam yang amat menarik dibaca dan difahami merangkumi semua adab yang perlu diamalkan oleh guru dan murid.

### ***Tanbīh al-Ṭullāb* (MSS4315E dan MSS4315E)**

Manuskrip ketiga tentang pendidikan Islam Alam Melayu ialah *Tanbīh al-Ṭullāb*. Karya ini juga sama seperti dua manuskrip di atas dari segi bentuknya, iaitu dikarang dalam bentuk nazam atau puisi. Bahasa yang digunakan ialah Bahasa Arab, namun disertakan dengan terjemahan antara baris dalam Bahasa Melayu aksara Jawi. Hal ini memudahkan para pelajar menghafaz secara berirama dan juga difahami oleh mereka khususnya dalam mengenali adab dalam pengajian agama.

Karya ini kelihatan tidaklah semasyhur *Bab al-Adab*, namun ia wujud sebagai salah satu karya penting tentang adab guru dan murid Alam Melayu. Terdapat dua naskhah manuskrip karya ini yang tersimpan di PKMM, PNM. Naskhah pertama diberi judul *Nazam Tanbīh al-Ṭullāb*, MSS2378E dan naskhah kedua ialah *Tanbīh al-Ṭullāb*, MSS4315E (PNM, 2000; 2012). Walaupun wujud sedikit perbezaan pada judul yang diberikan oleh katalog PKMM, namun ia merujuk kepada kitab yang sama. Penambahan 'nazam' pada judul naskhah pertama itu adalah inisiatif pihak kurator PKMM sahaja untuk menunjukkan bentuk penyampaian karya ini dengan bentuk nazam. Oleh itu, judul sebenar karya ini ialah *Tanbīh al-Ṭullāb*. Ia dinyatakan secara jelas dalam rangkap ke-26, iaitu (MSS2378E; MSS4315E):

سميته بتنبية الطلاب      لرحمة المهيمن الوهاب

Aku namai akan dia dengan *Tanbīh al-Ṭullāb* bagi rahmat tuhan yang  
amat besar lagi yang amat mengurniai

Merujuk kepada judul tersebut, pengarang menamakan kitab ini menggunakan Bahasa Arab sesuai dengan nazam yang berbahasa Arab. *Tanbīh* membawa maksud peringatan dan *al-Ṭullāb* pula berasal daripada *al-Ṭālib* iaitu penuntut. Dalam penggunaan Bahasa Arab dan juga tradisi penulisan Alam Melayu, *al-Ṭālib* atau *al-Ṭullāb* ini merujuk kepada penuntut ilmu, murid dan juga pelajar, khususnya mereka yang mendalami ilmu agama. Oleh itu, jelas daripada judul ini karya ini menceritakan adab kepada murid dalam rangka untuk mengingatkan mereka akan kepentingan adab dalam belajar.

Dari segi kepengarangan pula, belum dapat dipastikan siapa yang menghasilkan karya ini dan bila ia dihasilkan disebabkan tiada catatan mengenai kedua-dua perkara tersebut. Pada akhir karya ini pengarang hanya penyebut bahawa empunya kitab ini ialah faqir (*ṣāhibu kitāb hādihā faqīr*). Konotasi faqir sebagai pengarang kitab ini merupakan suatu gelaran atau penisbahan sahaja, bukan nama sebenar pengarang. Istilah ini merujuk kepada penisbahan diri pengarang sebagai orang yang miskin, berkehendak dan berhajat kepada Allah SWT. Penisbahan sebegini juga merupakan fenomena biasa dalam kepengarangan manuskrip Melayu yang mana pengarang hanya memperkenalkan diri sebagai faqir sahaja.

Walaupun manuskrip ini terdapat 32 bait nazam sahaja, namun aspek pemikiran pendidikan Islam agak menarik untuk diteliti lanjut. Secara umumnya, manuskrip ini menekankan tentang kepentingan pendidikan dan ianya bertujuan untuk menghidupkan dan mengetahui hukum syarak. Menuntut ilmu dan terlibat dalam aktiviti pendidikan merupakan suatu kefarduan kepada seluruh umat Islam. Selain itu, aspek lain pemikiran pendidikan Islam yang dikemukakan ialah tujuan pendidikan, persoalan niat dalam pendidikan dan juga kategori pelajar.

Persoalan niat menjadi perkara utama dikemukakan dalam manuskrip ini. Sebagaimana tajuknya sebagai peringatan kepada penuntut ilmu, karya ini mengingatkan pelajar akan peranan dan kepentingan niat yang tulus ikhlas dalam pendidikan. Ia juga mengingatkan jika belajar dengan niat yang salah, hal ini membawa banyak keburukan dan mendorong kepada maksiat. Manakala pada pihak guru pula, tersalah dalam mengajar dengan niat yang buruk, mereka juga dikira bersubahat dengan pelajar dalam kesalahan tersebut. Niat yang betul dalam belajar dan mengajar akan membantu guru dan murid menghidupkan agama dan meninggikan syariatnya serta meningkatkan amal ibadat seseorang.

Perkara kedua tentang pemikiran pendidikan dalam manuskrip *Tanbīh al-Ṭullāb* ini ialah tentang pembahagian penuntut ilmu kepada tiga jenis. Pertama, golongan yang benar dan berjaya dalam menuntut ilmu, kedua, golongan yang menempah bahaya dalam belajar iaitu disebut sebagai '*al-makhāṭir*' dan ketiga golongan yang terpedaya dalam belajar yang diistilahkan sebagai '*al-maghrūr*'. Pembahagian golongan ini kelihatan adalah berdasarkan dasar pemikiran pendidikan, khususnya tentang tujuan dan adab dalam pendidikan. Golongan pertama ini merupakan penuntut ilmu yang mengetahui dan melazimi adab belajar, mereka dikira sebagai '*ahli al-khayr*' dengan kesungguhan mereka mencari ilmu dan mengamalkannya. Manakala dua golongan lagi tidak mengikuti adab dalam belajar sehingga menyebabkan tersalah atau terpedaya dalam mencapai matlamat pendidikan yang sebenar. Mereka menganggap ilmu membawa diri mereka hampir kepada Allah, namun ia tidak tercapai disebabkan mengabaikan aspek amal dengan ilmu yang diperolehi ataupun belajar dengan niat yang salah serta mempunyai sifat buruk seperti takbur dan bermegah dengan ilmu.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan manuskrip *Tanbīh al-Ṭullāb* ini juga merupakan karya yang penting yang menjelaskan pemikiran pendidikan Islam Alam Melayu. Ia mengemukakan peringatan yang amat berguna kepada guru dan pelajar supaya tidak terjerumus dalam golongan yang terpedaya (*maghrūr*) dalam mengikuti sistem pendidikan Islam. Namun begitu, karya ini kelihatan agak memberi tumpuan kepada adab guru dan murid terhadap Allah, diri dan tanggungjawab terhadap ilmu sahaja, aspek adab terhadap sosial seperti guru dan rakan sepengajian tidak disentuh dalam manuskrip ini. Walaupun begitu, ia tidak mengurangkan kepentingan karya ini kerana dalam konteks yang terbatas ia dapat mengemukakan sejumlah adab guru dan murid terhadap Allah, diri dan ilmu yang lengkap dan padat menjadikan ia sebuah karya pendidikan Islam Alam Melayu yang terfokus tentang adab.

### **Syair Sunur: *Faṣl fī Ṭalab al-'Ilm* (MSS 2468C)**

Manuskrip keempat tentang adab guru dan murid Alam Melayu ialah manuskrip yang diberi judul Syair Sunur atau Syair Mekah dan Madinah. Naskhah ini juga dikategorikan sebagai karya berbentuk puisi atau secara khususnya berbentuk syair yang merupakan antara karya sastera kreatif masyarakat Melayu. Syair Sunur ini merupakan teks yang kecil dan sering kali ditulis, disimpan dan digabung dalam karya yang lain, terutamanya Syair Naik Haji. Ia juga sering dijudulkan dengan judul lain seperti Syair Mekah dan Madinah, Nazam Sunur atau Syair Dagang (Suryadi, 2005). Setelah tinjauan dibuat, terdapat sembilan salinan dan naskhah Syair Sunur ini yang terdapat di Universiteit Bibliotheek Leiden, Staatsbibliothek zu Berlin (Freuβischer Kulturbesitz, Orientabteilung), Cambridge University Library, British Library London (Oriental and India Office Collection), Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Negara Malaysia, di Kuala Lumpur dan terakhirnya di Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI) di Jakarta. Di samping itu, karya ini telah dicetak dan sebanyak enam cetakan lama telah ditemui. Walaupun kelihatan Syair Sunur ini agak popular, namun dalam konteks Malaysia ia kelihatan masih tidak dikenali oleh para pengkaji. Malah Syekh Daud Sunur sendiri tidak dikaji dengan kadar memuaskan sebagai salah seorang sarjana Alam Melayu yang mendapat Pendidikan di Mekah pada ketika itu.

Agak menarik untuk dikemukakan di sini bahawa kajian lepas mengenai Syair Sunur ini khususnya kajian Suryadi (2005), tidak menggunakan naskhah PKMM, PNM sebagai salah satu sumber. Daripada pengamatan awal, terdapat perbezaan teks syair ini antara sejumlah naskhah yang dikumpulkan oleh Suryadi dengan naskhah PNM. Isu ini memerlukan kajian lanjut

disebabkan penambahan dan pengurangan dalam penulisan manuskrip Melayu merupakan fenomena yang biasa terjadi. Hal ini mendorong penulisan ini dibuat untuk memperkenalkan naskhah PNM dan secara khususnya mengemukakan bahawa Syair Sunur ini merupakan salah satu manuskrip pendidikan Islam di Alam Melayu yang belum diperkenalkan oleh mana-mana pengkaji.

Merujuk kepada koleksi PKMM, PNM, hanya terdapat satu naskhah sahaja bagi teks Syair Sunur ini, iaitu MSS 2468C (PNM, 2001). Manuskrip ini hanyalah sebanyak empat folio dan tulisan masih lagi jelas serta boleh dibaca dengan baik. Di samping pelbagai pandangan mengenai jumlah sebenar rangkap dan teks Syair Sunur yang mencecah 300 lebih bait, naskhah PNM ini kelihatan tidak lengkap dan hanya satu bab sahaja yang ditemui, iaitu fasal tentang menuntut ilmu (*Faṣl fī Ṭalab al-'Ilm*). Ia terdiri daripada 68 baris syair sahaja yang secara khusus memperihalkan gambaran ulama Mekah, perihal ilmu dan jenisnya dan perihal berkaitan pelajar. Sebagaimana judulnya, syair ini dikarang oleh seorang ulama terkenal di Minangkabau iaitu Syeikh Daud Sunur. Nama ini diambil sempena kampung halamannya, iaitu Sunur. Sunur merupakan sebuah desa pantai yang terletak di antara Ulakan dan Pariaman, pantai barat Sumatra Barat. Syeikh Daud ini pula lahir di Koto Gadis, satu kampung di wilayah Nagari Sunur, sekitar tahun 1785 hingga 1790 (Suryadi, 2005). Menurut Braginsky (1998), Syeikh Daud wafat di Singkel, sebuah kota perdagangan di pantai barat Aceh, sekitar tahun 1855, ketika berusia sekitar 65 atau 70 tahun.

Sebagaimana kelaziman Pendidikan Islam di Alam Melayu, seseorang murid yang telah tamat pengajian akan menyambung pelajaran di pesentren yang lain atau bermusafir ke Mekah yang merupakan pusat Pendidikan Islam terkemuka ketika itu (Azra 2013). Hal ini juga terjadi di Minangkabau, dan dianggarkan Syeikh Daud pergi ke Mekah sebelum tahun 1838 disebabkan beberapa kolofon naskhah Syair Sunur ada menyebut bahawa ia dikarang pada 1832. Sepanjang tempoh beberapa tahun di Mekah itulah Syeikh Daud menulis Syair Sunur ini dan selepas itu ia mula tersebar setelah para jemaah haji dari Minangkabau membawa pulang syair tersebut (Suryadi, 2005).

Mengenai elemen pemikian pendidikan Islam dalam syair ini, secara umum ia memperihalkan suasana pendidikan Islam di Mekah dan Madinah (Hijaz). Pemerihalan ini adalah amat penting disebabkan ia dapat menjelaskan sumber kepada pemikiran pendidikan Islam Alam Melayu. Selain itu, Syeikh Daud juga menjelaskan adab dalam belajar yang boleh dijadikan rujukan untuk guru dan murid Alam Melayu, khususnya Minangkabau ketika itu. Dalam permulaan *Faṣl fī Ṭalab al-'Ilm*, beliau menjelaskan tentang sistem pengajian di Mekah serta ketokohan para guru yang mengajar di sana. Dalam konteks ini, dalam sistem pendidikan Islam peranan guru yang berautoriti dalam keilmuan menjadi perkara yang perlu diberi perhatian. Guru, dalam pemikiran pendidikan Islam, memainkan peranan yang amat penting dan berpengaruh, bukan hanya bertindak sebagai fasilitator atau pemudahcara sahaja (MSS2468C, f.42v.).

Seterusnya, Syeikh Daud juga menjelaskan dalam manuskrip tersebut tentang kepentingan para guru mengajar dan murid belajar berdasarkan kurikulum dan kaedah yang tepat. Beliau menjelaskan tentang ilmu, jenis dan matlamatnya yang terdiri daripada 14 jenis ilmu. Antaranya ialah seperti Nahu, Saraf, Balaghah, Mantik, al-Quran dan Tafsir, Hadith, Fekah, Usul Feqah, Badi', 'Arud, Usul (Akidah), Tasawuf, Falak dan Hisab (MSS2468C, f.43r.). Setiap ilmu tersebut dijelaskan tujuan dan matlamatnya serta prinsipnya (*mabadi' al-'ulum*) sebagai panduan kepada para guru dan murid dalam memilih dan menyusun kurikulum pendidikan Islam yang komprehensif. Elemen

ini amat jarang ditemui perbincangannya dalam karya-karya atau manuskrip pendidikan Islam yang lain.

Mengenai kaedah pendidikan pula, Syiekh Daud Sunur amat menitikberatkan pengajian berdasarkan kebolehan, pengajian berperingkat dan pemilihan ilmu berdasarkan kemampuan dan peringkat pelajar. Umpamanya, beliau membahagikan murid itu kepada tiga peringkat iaitu, *mubtadī* (permulaan), *mutawassit* (pertengahan) dan *muntahī* (akhir/tinggi). Pembahagian ini adalah berdasarkan kebolehan dan kemampuan bukannya umur seseorang murid. Hal ini memberi impak kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran. Pelajar yang berada pada peringkat permulaan tidak sepatutnya didedahkan dengan ilmu yang terlalu mendalam dibimbang membawa kepada kekeliruan. Sebagai contohnya Syeikh Daud menyarankan dalam pembelajaran tasawuf, bagi murid permulaan mereka hendaklah bermula dengan memahirkan diri dengan ilmu feqah dan melazimi ibadat serta meneliti karya Imam al-Ghazālī seperti *Ihyā' Ulūm al-Dīn*, *Bidāyah al-Hidāyah* dan juga *Minhāj al-'Ābidīn*. Setelah itu, barulah mereka masuk ke peringkat kedua (pertengahan), murid-murid yang mencapai tahap ini boleh didedahkan dengan ilmu Tarekat dan kitab *Hikam* serta syarahnya. Manakala bagi tahap ketiga (tinggi), barulah Syeikh Daud Sunur menyarankan pendedahan kepada ilmu Hakikat yang lebih mendalam. Jika hal ini tidak diendahkan maka akan berlaku kekeliruan dan membawa kepada keburukan sama ada kepada murid mahupun guru (MSS2468(C), f.43b).

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa Syair Sunur ini merupakan karya yang penting pendidikan Alam Melayu. Ia mempunyai keistimewaan tersendiri di samping karya lain disebabkan kandungannya yang memerihalkan suasana pendidikan Islam di Mekah yang menjadi pusat pendidikan rujukan kepada Alam Melayu. Karya ini juga menjelaskan pemikiran pendidikan Islam hasil daripada pengamatan secara langsung di Mekah dan disampaikan secara kreatif berdasarkan adunan keperluan dan konteks Alam Melayu amnya dan Minangkabau khasnya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penulisan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai manuskrip berkaitan dengan pemikiran pendidikan Islam yang dihasilkan oleh sarjana Islam Alam Melayu. Antaranya yang masih berstatus manuskrip dan belum dikaji sepenuhnya, iaitu empat karya yang diperkenalkan dalam artikel ini. Selain manuskrip ini, sebenarnya masih lagi wujud pelbagai kategori penulisan pendidikan Islam Alam Melayu seperti karya khusus, bab tertentu atau dalam mukadimah, bentuk prosa dan puisi serta karya asli, saduran, terjemahan dan juga ulasan. Hal ini menampilkan kekayaan tradisi ilmu masyarakat Melayu dalam memerihalkan adab kepada pelajar dan guru dengan lengkap dan komprehensif.

Di samping itu, kewujudan manuskrip genre pendidikan Islam ini juga menunjukkan ulama Alam Melayu amat mementingkan aspek pendidikan Islam, khususnya perihal adab guru dan murid yang merupakan tema penting yang dikemukakan. Mereka berusaha membangunkan institusi pendidikan Islam dan juga menjelaskan amalannya dalam bentuk penulisan yang sebahagiannya kita warisi berbentuk manuskrip. Pemikiran pendidikan Islam ini seterusnya dijadikan manual panduan kepada guru dan murid di samping contoh dan amalan mereka yang mekar dalam institusi pendidikan Islam seperti pondok, zawiya, pesantren, dayah, meunasah dan sebagainya. Oleh itu, pemikiran pendidikan Islam ini bukan sahaja ditulis, malah kemudiannya

diamal dan dikembangkan dalam institusi pendidikan Islam Alam Melayu. Dari segi sumber dan kandungan pula, khususnya empat karya yang dibincangkan di atas dapat disimpulkan bahawa para ulama Alam Melayu merujuk kepada ulama Islam yang awal dan kitab mereka dalam menjelaskan pemikiran pendidikan Islam. Antara yang amat berpengaruh ialah karya dan pemikiran al-Ghazalī (m.505) serta al-Zarnūjī (m.620) yang dinukilkan secara langsung dan tidak langsung. Hal ini menunjukkan sumber yang digunapakai oleh ulama Melayu adalah berwibawa kerana al-Ghazalī dan al-Zarnūjī juga merupakan tokoh pemikir pendidikan Islam terkemuka dalam sejarah dan tamadun Islam.

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan penulis di bawah peruntukan Geran Penyelidikan USIM 2018 (PPPI/FPQS/0118/051000/14818). Penulis merakamkan ribuan terima kasih atas inisiatif USIM yang membiayai kajian ini.

## RUJUKAN

- al-Attas, Syed Muḥammad Naquib al-Attas. (2015). Risalah untuk Kaum Muslimin dalam *Himpunan Risalah*. Kuala Lumpur: IBFIM & CASIS.
- al-Attas, Syed Muḥammad Naquib al-Attas. (2011). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- al-Attas, Syed Muḥammad Naquib. (1999). *The Concept of Education in Islam: A Framework For An Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Azyumardi Azra. (2013). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*. Jakarta: Kencana.
- Braginsky, Vladimir I. (1998). "On the Textual History of Syair Perahu: with Special Reference to Statistical Methods of Attribution" *International Workshop on Malay Cataloguing Project* (Leiden: Leiden University Library, 16-18 March 1998).
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Harun Mat Piah. (2016). "Kebangkitan Intelektual Alam Melayu Nusantara -Kesannnya Kepada kemantapan Epistemologi Melayu Tradisional" dalam *Prosiding Seminar Asal-Usul dan Intelektual Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: PNM.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Ab. Rahman Kaeh dan Jamilah Ahmad. (2011). *Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim bin Masran al-Banjari. (2018). *Hidāyah al-Mustarshidīn fī Adab al-Muta'allimīn*. Johor: Dar al-Banjari.
- Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2014). "Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah: Kajian terhadap Waṣiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf". *TAFHIM* 7, 97-130.
- Mohd Anuar Mamat (2017). "Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia", *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15, 66-88.
- Mohd Anuar Mamat. (2016). *Pemikiran Pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: al-Ālim wa al-Muta'allim*. Kuala Lumpur: CASIS-HAKIM.

- Muhammad bin Ibrāhīm al-'Uthmān. (2001). *al-Nubadh fī Adab Ṭalab al-'Ilm*. Kuwait: Maktabah Ibn al-Qayyim.
- M. Mustaqim Mohd Zarif & Mohd Anuar Mamat. (2018). "Bab al-Adab (MSS2906A): Analisis dan Transliterasi Beranotasi Sebuah Nazam Mengenai Adab Belajar", *Jurnal Filologi Melayu*, 25, 132-152.
- M. Mustaqim Mohd Zarif. (2016). "Peranan Ulama dalam Pembangunan Keintelektualan Melayu: Perspektif Sosio-Sejarah", kertas kerja dibentangkan dalam *Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa: Menyingkap Perjuangan Bangsa*. Shah Alam: UiTM, 8-10 Nov 2016.
- Noriah Mohamed & Yusmilawati Yunos. (2006). "Perlambangan dalam Teks Campur Bawur", *Jurnal Filologi Melayu* 14, 129-156.
- PNM. (2012). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketujuh*. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2000). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: PNM.
- PNM. (2001). *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Pertama*. Kuala Lumpur: PNM.
- Sebastian Gunther. (2005). *Ideas, Images, and the Methods of Portrayal: Insights into Classical Arabic Literature and Islam*. Leiden: Brill.
- Siti Hawa Salleh. (2010). *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur: ITBNM.
- Suryadi. (2005). "Syair Sunur: Autobiografi seorang dagang Minangkabau", *SARI* 23, 83-104.
- Wan Ali Wan Mamat. (2014). *An Introduction to Malay Manuscripts*. Selangor: IIUM Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of The Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Yahyā Ḥasan 'Alī Murād. (2003). *Ādāb al-'Ālim wa al-Muta'allim 'inda al-Mufakkirīn al-Muslimīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.
- Zahir Awang, Inderawati Zahid & Mohd Nasir Hashim. (2007). "Syair Melayu: Analisis dari Sudut Kata dan Prosodi", *Wacana Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.